

26/02/2003

NAM tetap relevan: Dr Mahathir

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang kini mengetuai Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang disuburkan semula menegaskan, kewujudan pergerakan 116 anggota itu kini masih relevan dan tidak harus dipersoalkan.

Perdana Menteri menegaskan, NAM tetap relevan pada masa kini bagi melindungi dan menggalakkan kepentingan negara Selatan dalam sebuah dunia yang jelas dikuasai negara besar yang langsung tidak kisah dengan negara membangun.

"Ia merangkumi harapan dan aspirasi kita untuk kemakmuran ekonomi dalam dunia yang aman, selamat dan saksama," katanya pada ucapan penutup Sidang Kemuncak Ke-13 NAM di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi.

Semua pemimpin NAM yang hadir, termasuk menteri luar dan pegawai berdiri memberi tepukan sejurus Dr Mahathir selesai berucap kira-kira jam 10.40 malam.

Dr Mahathir yang mengambil alih jawatan Pengerusi NAM daripada Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, berkata negara anggota NAM mempunyai peranan penting merapatkan barisan dan mengukuhkan perpaduan bagi membolehkan mereka bercakap dalam satu suara mengenai isu amat penting bagi pergerakan itu kerana jika tidak, mereka menghadapi prospek dikuasai secara berterusan oleh Barat.

Beliau berkata, sekarang semakin jelas bahawa dunia lebih baik dengan menggunakan sistem pelbagai hala, terutama membabitkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang lebih suara dan demokratik berbanding sistem berdasarkan tindakan bersendirian yang dikuasai sebuah negara yang berkuasa.

"Dalam hubungan ini, kita akan memberi sokongan penuh dan berterusan kepada PBB, kerana masa depannya dirantaikan dengan NAM dan sistem multilateral," katanya.

Beliau juga berkata, NAM menyedari cabaran baru yang dihadapi seperti ancaman keganasan antarabangsa dan setiap anggota perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha antarabangsa menangani masalah itu.

Satu lagi cabaran ialah globalisasi dan usaha ke arah mengintegrasikan negara membangun dalam orde baru politik, ekonomi dan kemanusiaan sejagat yang saksama, adil dan demokratik.

Dalam pada itu, revolusi teknologi maklumat dan komunikasi turut mengubah dunia dengan cepat dan melebarkan jurang digital antara negara maju dan membangun.

"Berhadapan semua cabaran ini, adalah jelas bahawa penting bagi kita untuk memperkukuhkan perpaduan dan bercakap dengan satu suara terhadap isu penting bagi kita. Sementara kita tidak perlu bersikap konfrontasi dalam pendekatan, kita tidak perlu akur atau bertahan dalam hubungan kita dengan negara maju," katanya.

Katanya, sebagai Pengerusi NAM yang baru dengan tanggungjawab berat, beliau berharap dapat bekerjasama erat dengan anggota lain untuk menaikkan lagi profil antarabangsa pergerakan itu serta meningkatkan `pengaruh politik dan pengaruh ekonominya' dalam ehwal global.

Dr Mahathir juga melahirkan rasa gembira kerana pemimpin NAM meluluskan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai penyuburan semula NAM yang dianggapnya sebagai pelan penting bagi tindakan bersama.

Katanya, deklarasi itu menyediakan garis panduan pelan tindakan yang jelas dan praktikal bagi membantu NAM memacu hala tuju pada masa depan.

Beliau berharap dengan penyuburan semula itu, NAM akan menjadi lebih proaktif dan responsif kepada kebimbangan dan keperluan negara anggota.